

(PKB3111 Isu dan Tenda dalam Pendidikan Khas)



PROGRAM PENSISWAZAHAN GURU SEKOLAH RENDAH (PGSR)

MOD KURSUS DALAM CUTI

IJAZAH SARJANA MUDA PERGURUAN DENGAN KEPUJIAN

MODUL PENDIDIKAN KHAS MASALAH PEMBELAJARAN

**PKB3111
Kod Baharu PKB3113**

ISU DAN TRENDAL DALAM PENDIDIKAN KHAS



INSTITUT PENDIDIKAN GURU
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA
ARAS 1, ENTERPRISE BUILDING 3,
BLOK 2200, PERSIARAN APEC,
CYBER 6, 63000 CYBERJAYA

Berkuat kuasa pada Juh 2011



Falsafah Pendidikan Kebangsaan

Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi, dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berkecakupan, berakhlak mulia, bertanggungjawab, dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat, dan negara.

Falsafah Pendidikan Guru

Guru yang berpekeriti mulia, berpandangan progresif dan saintifik, bersedia menjunjung aspirasi negara serta menyanjung warisan kebudayaan negara, menjamin perkembangan individu, dan memelihara suatu masyarakat yang bersatu padu, demokratik, progresif, dan berdisiplin.

Cetakan Jun 2011
Kementerian Pelajaran Malaysia

Hak cipta terpelihara. Kecuali untuk tujuan pendidikan yang tidak ada kepentingan komersial, tidak dibenarkan sesiapa mengeluarkan atau mengulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan kandungan buku ini dalam apa-apa juga bentuk dan dengan apa-apa cara pun, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Rektor Institut Pendidikan Guru, Kementerian Pelajaran Malaysia.

MODUL INI DIEDARKAN UNTUK KEGUNAAN PELAJAR-PELAJAR YANG BERDAFTAR DENGAN BAHAGIAN PENDIDIKAN GURU, KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA BAGI MENGIKUTI PROGRAM PENSISWAZAHAN GURU SEKOLAH RENDAH (PGSR) IJAZAH SARJANA MUDA PERGURUAN.

MODUL INI HANYA DIGUNAKAN SEBAGAI BAHAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BAGI PROGRAM-PROGRAM TERSEBUT.

Cetakan Jun 2011
Institut Pendidikan Guru
Kementerian Pelajaran Malaysia

KANDUNGAN

MUKA

Falsafah Pendidikan Kebangsaan

Falsafah Pendidikan Guru

Panduan Pelajar

Pengenalan Agihan Tajuk (Interaksi dan Modul)

Tajuk Pembelajaran

Tajuk 1 Strategi Penempatan Pelajar

1.0 Sipnosis

1.1 Hasil Pembelajaran

1.2 Kerangka Kandungan

1.3 Kandungan

1.3.1 Isu Individu

- Penempatan
- Perbezaan individu dan penyesuaian

1.3.2 Strategi Pengajaran dan Pembelajaran

- Pengajaran individu
- Pengajaran kumpulan

1.3.3 Kemudahan dan Prasarana

- Peruntukan kewangan
- Lokasi dan jenis
- Kemudahan-kemudahan

1.3.4 Keberkesanan Program Pendidikan Khas

Tajuk 2 Isu Pelabelan, Pengasingan dan Integrasi

2.0 Sipnosis

2.1 Hasil Pembelajaran

2.2 Kerangka Kandungan

2.3 Kandungan

2.3.1 Pelabelan

- Definisi
- Implikasi

2.3.2 Pengasingan

- Definisi
- Implikasi
- Sokongan dan kerjasama

2.3.3 Integrasi

- Definisi
- Masalah
- Pemilihan kelas

Tajuk 3 Kepelbagaian Kompetensi Murid

- 3.0 Sipnosis
- 3.1 Hasil Pembelajaran
- 3.2 Kerangka Kandungan
- 3.3 Kandungan
 - 3.3.1 Kompetensi Kendiri
 - Kesedaran Kendiri
 - Pengurusan Kendiri
 - Motivasi Kendiri
 - 3.3.2 Kompetensi Sosial
 - Kesedaran Sosial
 - Kemahiran Sosial
 - 3.3.3 Pembentukan Sikap
 - Membina Sikap Positif Murid
 - Bimbingan Berterusan

Bibliografi

Panel Penulis Modul

Ikon Modul

PANDUAN PELAJAR

Modul ini disediakan untuk membantu anda menguruskan pembelajaran anda agar anda boleh belajar dengan lebih berkesan. Anda mungkin kembali semula untuk belajar secara formal selepas beberapa tahun meninggalkannya. Anda juga mungkin tidak biasa dengan mod pembelajaran arah sendiri ini. Modul ini memberi peluang kepada anda untuk menguruskan corak pembelajaran, sumber-sumber pembelajaran, dan masa anda.

Pembelajaran arah sendiri memerlukan anda membuat keputusan tentang pembelajaran anda. Anda perlu memahami corak dan gaya pembelajaran anda. Adalah lebih berkesan jika anda menentukan sasaran pembelajaran sendiri dan aras pencapaian anda. Dengan cara begini anda akan dapat melalui kursus ini dengan mudah. Memohon bantuan apabila diperlukan hendaklah dipertimbangkan sebagai peluang baru untuk pembelajaran dan ia bukannya tanda kelemahan diri.

Modul ini ditulis dalam susunan **tajuk**. Jangka masa untuk melalui sesuatu tajuk bergantung kepada gaya pembelajaran dan sasaran pembelajaran sendiri anda. **Latihan-latihan** disediakan dalam setiap tajuk untuk membantu anda mengingat semula apa yang anda telah pelajari atau membuatkan anda memikirkan tentang apa yang anda telah baca. Ada di antara latihan ini mempunyai cadangan jawapan. Bagi latihan-latihan yang tiada mempunyai cadangan jawapan adalah lebih membantu jika anda berbincang dengan orang lain seperti rakan anda atau menyediakan sesuatu nota untuk dibincangkan semasa sesi tutorial.

Modul ini akan menggantikan satu kredit bersamaan dengan lima belas jam interaksi bersemuka dalam bilik kuliah. Tiada kuliah atau tutorial diadakan untuk tajuk-tajuk dalam modul ini. Walau bagaimanapun, anda boleh berbincang dengan pensyarah, tutor atau rakan anda melalui email jika terdapat masalah berhubung dengan modul ini.

Anda akan mendapati bahawa **ikon** digunakan untuk menarik perhatian anda agar pada sekali imbas anda akan tahu apa yang harus dibuat. Lampiran A menerangkan kepada anda makna-makna ikon tersebut.

Anda juga diperlukan untuk menduduki **peperiksaan bertulis** pada akhir kursus. Tarikh dan masa peperiksaan akan diberitahu apabila anda mendaftar. Peperiksaan bertulis ini akan dilaksanakan di tempat yang akan dikenal pasti.

Tip untuk membantu anda melalui kursus ini.

1. Cari sudut pembelajaran yang sunyi agar anda boleh meletakkan buku dan diri anda untuk belajar. Buat perkara yang sama apabila anda pergi ke perpustakaan.
2. Peruntukkan satu masa setiap hari untuk memulakan dan mengakhiri pembelajaran anda. Patuhi waktu yang diperuntukkan itu. Setelah membaca modul ini teruskan membaca buku-buku dan bahan-bahan rujukan lain yang dicadangkan.
3. Luangkan sebanyak masa yang mungkin untuk tugas tanpa mengira sasaran pembelajaran anda.
4. Semak dan ulangkaji pembacaan anda. Ambil masa untuk memahami pembacaan anda.
5. Rujuk sumber-sumber lain daripada apa yang telah diberikan kepada anda. Teliti maklumat yang diterima.
6. Mulakan dengan sistem fail agar anda tahu di mana anda menyimpan bahan-bahan yang bermakna.
7. Cari kawan yang boleh membantu pembelajaran anda.

TAJUK 1	STRATEGI PENEMPATAN PELAJAR
----------------	------------------------------------

Pengenalan

PKB 3111 ialah Isu dan Tenda dalam Pendidikan Khas. Kursus membincangkan isu-isu dan cabaran dalam pendidikan murid-murid Pendidikan Khas dari aspek penempatan pelajar; prasarana kelas; profesionalisme guru; keberkesanan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran; isu pelabelan, pengasingan dan pentaksiran; pengurusan kelas; kepelbagaian kompetensi murid dan penglibatan ibu bapa serta komuniti. Modul ini mengandungi 10 tajuk iaitu Tajuk 1 - Strategi dan Penempatan Pelajar. Tajuk 2 - Profesionalisme Guru. Tajuk 3 - Pelaksanaan Pengajaran. Tajuk 4 - Isu Pelabelan, Pengasingan dan Integrasi. Tajuk 5 Pentaksiran Pembelajaran Murid. Tajuk 6 - Isu Pengurusan Kelas Khas. Tajuk 7 Pengawasan, Penyeliaan dan Komunikasi. Tajuk 8 - Kepelbagaian Kompetensi Murid. Tajuk 9 - Penglibatan Ibu bapa dan Komuniti dan Tajuk 10 - Isu Sistem Sosial.

Modul ini juga disertakan dengan aktiviti dan latihan untuk pengukuhan pembelajaran pelajar. Terdapat beberapa aktiviti dan latihan yang disediakan bagi setiap tajuk. Aktiviti dan latihan tersebut termasuk memerlukan analisis tentang sesuatu tajuk secara lebih terperinci bagi meningkatkan kefahaman pelajar. Bahan bacaan tambahan serta laman web berkaitan topik ini juga disenaraikan untuk memudahkan pelajar mencari bahan-bahan bacaan tambahan.

Setiap tajuk disertakan latihan bertulis berbentuk analisis dalam setiap topik yang dipelajari. Setiap ulasan tersebut akan dibimbing dengan persoalan-persoalan disusuli dengan sumber rujukan yang berkaitan. Bahagian akhir setiap modul akan diberikan soalan-soalan tutorial yang perlu dihantar kepada pensyarah untuk disemak atau dibincangkan secara bersemuka.

Latihan ini harus disiapkan dalam jangkamasa yang ditetapkan. Hasil kerja pelajar yang telah disiapkan hendaklah dihantar kepada pensyarah secara e-mel atau bersemuka. Sebagai memantapkan lagi kefahaman setiap tajuk dalam kursus ini, pelajar dinasihatkan membuat banyak rujukan dan pembacaan. Pelajar juga digalakkan menghubungi pensyarah untuk mendapatkan maklumat lanjut yang berkaitan dengan topik-topik yang dipelajari.

Maklumat Agihan Topik-topik Dalam Kursus Proforma Yang Dimodulkan Dan Yang Memerlukan Interaksi Bersemuka

Kod & Nama Kursus: PKB 3111- Isu dan Tenda dalam Pendidikan Khas

	AGIHAN TAJUK
---	---------------------

Kandungan modul ini akan menggantikan satu kredit bersamaan dengan 15/30 jam interaksi bersemuka. Jadual di bawah menjelaskan agihan tajuk-tajuk untuk interaksi bersemuka atau pembelajaran melalui modul.

(Agihan Tajuk Interaksi Bersemuka dan Modul Mengikut Kursus Proforma)

Bil	Tajuk / Topik	Interaksi Bersemuka (jam)	Modul (jam)	Jumlah (jam)
1.	Strategi dan Penempatan Pelajar <ul style="list-style-type: none">• Isu individu<ul style="list-style-type: none">- Penempatan- Perbezaan antara individu dan penyesuaian- Kesan kecacatan kepada individu• Strategi pengajaran dan pembelajaran<ul style="list-style-type: none">- Pengajaran individu- Pengajaran kumpulan• Kemudahan dan prasarana<ul style="list-style-type: none">- Peruntukan kewangan- Lokasi dan jenis- Kemudahan-kemudahan• Keberkesanan Program Pendidikan khas		6	6
2.	Profesionalisme Guru <ul style="list-style-type: none">• Keperluan Guru<ul style="list-style-type: none">- Kelayakan guru- Motivasi guru- Ketrampilan guru- Latihan guru asas	6		6

	<ul style="list-style-type: none">• Peningkatan Profesionalisme<ul style="list-style-type: none">- Kursus Dalam Perkhidmatan- Pendidikan Jarak Jauh- Kajian Berasaskan Bilik Darjah• Sokongan Pengurusan Sekolah<ul style="list-style-type: none">- Kerjasama- Kenaikan pangkat- Penghargaan dan pengiktirafan- Kebajikan- Kerja berpasukan			
3.	Pelaksanaan Pengajaran <ul style="list-style-type: none">• Sukatan Pelajaran dan Huraian Sukatan Pelajaran<ul style="list-style-type: none">- Kandungan- Kemahiran• Perancang Kurikulum<ul style="list-style-type: none">- Kemahiran guru- Inovasi- Pentafsiran kurikulum• Strategi Pelaksanaan<ul style="list-style-type: none">- Keberkesanan kaedah- Bahan bantu belajar- Komitmen guru• Perbandingan pengurusan kelas Pendidikan Khas dengan :<ul style="list-style-type: none">- kelas biasa- program inklusif- Pendidikan Pemulihan• Bebanan Tugas<ul style="list-style-type: none">- Jawatankuasa dalam organisasi- Bilangan waktu mengajar- Pengkhususan mata pelajaran	6		6

4.	Isu Pelabelan, Pengasingan dan Integrasi <ul style="list-style-type: none">• Pelabelan<ul style="list-style-type: none">- Implikasi terhadap murid- Implikasi terhadap ibu bapa - Implikasi terhadap guru dan sekolah• Pengasingan<ul style="list-style-type: none">- Kesan kepada murid- Sokongan dan kerjasama- Masalah pembelajaran sebagai satu kontinum• Integrasi<ul style="list-style-type: none">- Masalah normalisasi- Masalah disiplin- Pemilihan kelas		6	6
5.	Pentaksiran Pembelajaran Murid <ul style="list-style-type: none">• Saringan dan diagnostik<ul style="list-style-type: none">- Menentukan kriteria ujian- Membina instrumen- Pengendalian ujian• Pengumpulan maklumat<ul style="list-style-type: none">- Analisis data- Menilai dan mentafsir dapatan- Membuat keputusan• Tindakan susulan<ul style="list-style-type: none">- Merancang tindakan lanjut- Melaksana pengajaran- Membuat pilihan	3		3
6.	Isu Pengurusan Kelas Khas <ul style="list-style-type: none">• Model Pengurusan Kelas Pemulihan<ul style="list-style-type: none">- Model Hewett- Model Montessori- Stesen- Kiosk	6		6

	<ul style="list-style-type: none">• Model Pengajaran Kumpulan<ul style="list-style-type: none">- Model 1: 3 Kumpulan yang berbeza- Model II : Kumpulan berkemahiran hampir sama- Pengajaran koperatif dan kolaboratif• Khidmat Guru Pendamping<ul style="list-style-type: none">- Definisi dan kepentingan- Kelayakan dan kewibawaan- Cara pelaksanaan			
7.	Pengawasan, Penyeliaan dan Komunikasi. <ul style="list-style-type: none">• Pengawasan dan Penyeliaan<ul style="list-style-type: none">- Peranan nazir- Peranan Jabatan Pelajaran Negeri- Peranan pengurusan sekolah• Komunikasi<ul style="list-style-type: none">- Halangan komunikasi guru Pendidikan Khas dan rakan guru- Halangan komunikasi sekolah dengan ibu bapa	3		3
8.	Kepelbagaian Kompetensi Murid <ul style="list-style-type: none">• Kompetensi Kendiri<ul style="list-style-type: none">- Kesedaran sendiri- Pengurusan sendiri- Motivasi sendiri• Kompetensi Sosial<ul style="list-style-type: none">- Kesedaran sosial- Kemahiran sosial• Pembentukan Sikap<ul style="list-style-type: none">- Membina sikap positif murid- Bimbingan berterusan		3	3

9.	Penglibatan Ibu bapa dan Komuniti <ul style="list-style-type: none">• Aspek Ibu bapa<ul style="list-style-type: none">- Persepsi terhadap sekolah- Peluang berinteraksi- Kolaboratif• Peranan Komuniti<ul style="list-style-type: none">- Persepsi terhadap murid khas- Sokongan dan kerjasama - Penghargaan kepada guru- Intervensi awal- Kesedaran	3		3
10.	Isu Sistem Sosial <ul style="list-style-type: none">• Pentadbiran Pendidikan Khas<ul style="list-style-type: none">- Polisi, perancangan kurikulum dan bantuan khas- Kuasa dan pengaruh dalam pentadbiran- Kolaborasi dalam Pendidikan Khas- Kajian-kajian tentang Pendidikan Khas• Undang-undang dan hak asasi manusia<ul style="list-style-type: none">- Peringkat undang-undang- Undang-undang perlindungan- Undang-undang keistimewaan- Reformasi Pendidikan Khas	3		3
	JUMLAH	30	15	45

Penilaian	Kerja Kursus 50 % Peperiksaan Akhir 50 %
Rujukan Asas	Lerner, J. W. (2003) . <i>Learning Disabilities; Theories, Diagnosis and Teaching Strategies</i> . 9 th Edition. Houghton Mifflin Company : New York Obiakor, F.E, Bakken, J.P & Rotatori, A.F (2010). <i>Current Issues And Trends In Special Education : Identification, Assessment and Instruction</i> : 19 Advanced in Special Education.
Rujukan Tambahan	Bailey, T. (2009). <i>Remedial Education Assessment and Student Success</i> , Worcester, MA Bagin, D. & Gallangher,D.R. (2001). <i>The school and community relations</i> . Boston : Allyn & Bacon Cook. B. G., Semmel, M. I., & Gerber, M. M. (1999). <i>Attitudes of principals and Special Education teachers toward the inclusion of student with mild disabilities</i> . Remedial and Special Education 20(4): 199-207 Ferrell, M. (2004). <i>Special education needs: A resource for practitioners</i> . London : P.Chapman. Irish National Teacher's Organisation,INTO(1994). <i>Remedial Education A Review</i> . Dublin Sands, D.J. Kozleski, E.B. & French, J. K. (2000). <i>Inclusive education for 21st. century</i> . New York Wardsworth. Smith, C.R. (1998) <i>Learning disabilities: The Interaction of learner, task and setting</i> . (4 th . Ed.). MA: Allyn Bacon Inc. Turnbull, A. P & Turnbull III, H. R. (1997). <i>Families, Professionals and Exceptionality a Special Partnership</i> . 3 rd edition. Prentice-hall Inc: USA

SINOPSIS

Membincangkan isu-isu yang timbul berkaitan dengan strategi dan penempatan pelajar bermasalah pembelajaran iaitu isu individu (integrasi lwn inklusif) dan strategi pengajaran dan pembelajaran. Melalui tajuk ini juga pelajar akan didedahkan tentang keberkesanan program pendidikan khas dan kemudahan prasarana yang disediakan.

1.1 HASIL PEMBELAJARAN

Pada akhir tajuk ini, anda akan dapat:

- i. menghuraikan pelaksanaan program integrasi dan juga program inklusif bagi murid bermasalah pembelajaran
- ii. menjelaskan isu yang timbul dalam pelaksanaan pengajaran individu dan juga pengajaran kumpulan
- iii. membincangkan isu-isu yang timbul berkaitan dengan strategi dan penempatan pelajar bermasalah pembelajaran.
- iv. mengenali persekitaran dan prasarana yang kondusif untuk keperluan program integrasi masalah pembelajaran dan isu-isu berkaitan yang timbul.

1.2 KERANGKA KANDUNGAN



Rajah 1 : Ringkasan rangka kursus

1.3 KANDUNGAN

STRATEGI DAN PENEMPATAN PELAJAR

Pendahuluan

Pendidikan Khas adalah satu cabang perkhidmatan pendidikan yang disediakan untuk murid berkeperluan khas. Bidang ini sedang berkembang pesat seiring dengan perkembangan sistem pendidikan negara. Selain perkhidmatan di Sekolah Pendidikan Khas dan Program Pendidikan Khas Integrasi, Pendekatan Pendidikan Inklusif juga dilaksanakan di sekolah tertentu di seluruh negara bagi memenuhi keperluan murid dan juga permintaan ibu bapa. Dasar sedia ada yang diterima pakai sekian lama memperuntukkan hak mendapat pendidikan formal bagi kanak-kanak berkeperluan khas, dan dasar tersebut diperkukuh oleh dasar

'Pendidikan Wajib' dan 'Pendidikan untuk Semua' yang kini menjadi asas perkiraan dalam perancangan pelaksanaan pendidikan khas di Malaysia. Dengan termaterai dua dasar tersebut, pendekatan pendidikan inklusif menjadi perkara penting dalam menghadapi cabaran dan isu-isu semasa pendidikan khas.

Penempatan pendidikan khas biasanya dibuat atas prinsip persekitaran yang paling tidak menghadkan (*least restrictive environment*). Apakah sebenarnya prinsip tersebut? Salah satu matlamat yang amat penting dan diharapkan daripada penyediaan pendidikan khas ialah murid berkeperluan khas mendapat pengetahuan dan kemahiran yang membolehkan mereka berdikari dan menyesuaikan diri dengan masyarakat. Langkah yang paling asas untuk mencapai matlamat tersebut bermula dengan kebolehan untuk bercampur gaul dan bersosialisasi dengan orang yang tidak mengalami masalah.

1.3.1 ISU INDIVIDU

Pertambahan kesedaran masyarakat terutamanya ibubapa terhadap pendidikan anak mereka secara tidak langsung meningkatnya jumlah murid di sekolah-sekolah Intergrasi Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran. Dalam konteks sebagai seorang guru, perlu memberi peluang kepada kanak-kanak itu untuk ke sekolah dan belajar sepertimana rakan sebaya yang lain.

Adalah menjadi tanggungjawab ibu bapa bagi memastikan anak-anak mereka mencapai tahap akademik sepertimana kemampuan serta kesungguhan murid tersebut. Merancang pengajaran dan pembelajaran yang sesuai dengan keperluan murid berkeperluan khas adalah sudah menjadi tanggungjawab guru. Sungguhpun begitu, satu-satu proses pengajaran dan pembelajaran yang berkesan tidak boleh hanya bergantung kepada faktor kesungguhan guru dalam pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah semata-mata.

Terdapat masalah yang sering ditimbulkan dalam menempatkan kanak kanak khas ke dalam program khas adalah seperti;

- i. masalah pengisian dan penggunaan borang pendaftaran yang terlalu rumit dan kurang difahami.
- ii. masalah kekurangan pakar dan kakitangan yang menyebabkan kanak-kanak tersebut terpaksa menunggu lama untuk berjumpa pakar bagi pengesahan dan seterusnya mendapat pendaftaran dan penempatan.
- iii. masalah ibu bapa yang tidak tahu atau kurang mengambil berat untuk menghantar anak belajar ke sekolah
- iv. Terdapat rumah murid yang terlalu jauh dengan sekolah menyukarkan murid hadir ke sekolah



Layari
internet

[Laman Utama Sistem Permohonan **Penempatan Murid** Berkeperluan ...](#)

Laman Utama Sistem
Permohonan **Penempatan Murid** Berkeperluan **Khas** (e-PKHAS)

Semua kes-kes yang didaftarkan dengan Unit Pendidikan Khas, Jabatan Pendidikan Negeri akan dipertimbangkan kelulusan di atas syor-syor penempatan dan keputusan-keputusan akan diberi oleh Jawatankuasa Perancangan dan Penempatan.

Kanak-kanak ini boleh ditempatkan sama ada di institusi kerajaan atau swasta iaitu di sekolah biasa, kelas percantuman atau kelas khas, kelas program pendidikan khas masalah pembelajaran, pusat atau institusi terencat akal, pusat jagaan harian atau lain-lain institusi Pemulihan dalam Komuniti.

Faktor-faktor yang perlu dipertimbangkan bagi membuat penempatan adalah merujuk kategori khasnya, tempat tinggal, kemudahan pergi balik seperti kenderaan dan juga umur kanak-kanak tersebut. Bagi kes-kes pemulihan dalam

komuniti, penyeliaan berterusan perlu dibuat oleh kakitangan kesihatan yang berhampiran.

Penempatan (Integrasi v Inklusif)

Integrasi bermaksud mendidik kanak-kanak berkeperluan khas bersama-sama dengan kanak-kanak biasa. Integrasi juga didefinisikan sebagai menyediakan pendidikan kepada kanak-kanak berkeperluan khas di sekolah-sekolah biasa. Jumlah masa integrasi bergantung kepada keadaan kekuatan dan ketidakupayaan setiap individu kanak-kanak itu.

Integrasi yang bermakna akan dapat dicapai melalui pendidikan dalam suasana yang paling sesuai dan tidak terhad. Berdasarkan kepada polisi, adalah sangat penting mempunyai satu definisi pengsealiran. Biklen (1985) menjelaskan “.. pengsealiran melibatkan pengintegrasian pelajar secara teliti dengan perkhidmatan sokongan dan perancangan yang sesuai.”

Pengsealiran adalah berbentuk falsafah dan proses. Melalui pengsealiran pengajaran kepada yang mempunyai masalah dalam pembelajaran, tingkah laku, fizikal atau masalah yang lain dilakukan seberapa yang boleh bersama-sama dengan kanak-kanak normal yang sebaya. Sesuatu pengsealiran hendaklah menghasilkan pengintegrasian kanak-kanak biasa dan khas di sekolah di mana semua kanak-kanak berkongsi sumber yang sama dan peluang pembelajaran pada dasar sepenuh masa, (Wang, 1981).

Pendidikan inklusif adalah pendidikan yang menampung semua murid di kelas yang sama di mana ia menyediakan program pendidikan yang sesuai dengan tahap keupayaan murid berfikir tetapi disesuaikan dengan kemampuan bantuan luar dan sokongan yang dapat diberikan oleh guru-guru agar murid mencapai objektif pengajaran. Pendekatan pendidikan di mana murid-murid pendidikan khas dan biasa belajar bersama di dalam satu bilik darjah dan di ajar oleh guru kelas biasa.

Murid yang berada dalam kelas ini akan mengikut kurikulum biasa yang telah diubahsuai oleh pendidik. Di Amerika Syarikat dikenali *mainstreaming* dan *least restricted area*, Australia dan New Zealand dikenali sebagai *intergration*, United Kingdom sebagai *normalisation* dan di Malaysia sebagai *inclusive education* atau pendidikan inklusif. Kesemua terminologi berkenaan membawa maksud mengintegrasikan murid khas ke dalam bilik darjah biasa dan menikmati segala peluang pembelajaran sebagaimana dinikmati rakan sebaya di aliran perdana.

Mainstreaming adalah terminologi yang digunakan untuk menerangkan cara menempatkan kanak-kanak atau pelajar-pelajar berkeperluan khas di dalam kelas-kelas biasa untuk belajar bersama dengan rakan sebaya. Dalam situasi pendidikan *mainstreaming* dijelaskan sebagai “satu cara yang perlu dilakukan dengan berhati-hati untuk menyatupadukan murid berkeperluan khas ke dalam situasi sekolah dengan bantuan khidmat sokongan yang sesuai dan perancangan yang teliti. *Mainstreaming* dalam pendidikan juga membawa erti yang sama seperti *normalization* atau kelaziman hidup harian sebagai satu prinsip.

Pendidikan inklusif juga telah termaktub dalam Akta Pendidikan 1996 di mana istilah “keperluan khas” dan pendidikan inklusif telah diperkenalkan. Murid dengan berkeperluan khas bermaksud murid bermasalah penglihatan atau masalah pendengaran atau masalah pembelajaran. Diperkenalkan sebagai sebahagian daripada kontinum perkhidmatan yang disediakan untuk pelajar dengan berkeperluan khas. Adalah jelas bahawa konteks dasar kebangsaan terhadap pendidikan khas adalah berasaskan prinsip “mengintegrasikan dan menginkluskikan murid khas di mana boleh, dan mengekalkan hak diasingkan di mana perlu”.

Kriteria penempatan untuk pendidikan khas adalah berdasarkan “kebolehdidikan” kanak-kanak sebagaimana dinilai oleh satu pasukan ahli-ahli

profesional. Ini bermakna perspektif dan pandangan ahli profesional yang mempunyai kuasa mutlak untuk menentukan bagaimana kanak-kanak dikategorikan dan konsep inklusif dilaksanakan. Tahap kelas aliran perdana di mana murid pendidikan khas diinkluskikan tidak mengikut umur kronologi tetapi mengikut umur mental murid khas tersebut.

Program Pendidikan Inklusif ini mirip kepada konsep integrasi berfungsi. Dilaksanakan dalam pelbagai cara.

- i. Inklusif penuh
Murid berkeperluan khas mengikuti pembelajaran sepenuhnya dalam kelas biasa dengan ditemani oleh seorang pembantu guru.
- ii. Inklusif separa
Murid berkeperluan khas mengikuti pembelajaran di kelas biasa tidak sepenuhnya, berdasarkan keperluan atau mata pelajaran tertentu
- iii. Inklusif tempat
Menempatkan kelas-kelas khas di sekolah biasa

Konsep inklusif

	Pendekatan lama (individu / kecacatan)	Pendekatan baru (penekanan kurikulum, kandungan dan strategi pengajaran)
1	Semua kanak-kanak adalah kanak-kanak istimewa	Semua kanak-kanak adalah istimewa
2	Kanak-kanak perlu diajar mengikut kumpulan kecacatan	Mana-mana kanak-kanak akan mengalami kesulitan di awal persekolahan
3	Labeling digunakan untuk memudahkan pengendalian	Setiap individu perlu diberi perhatian khas

4	Kebanyakan kanak-kanak khas ditempatkan di sekolah-sekolah khas	Kesulitan untuk belajar bukan disebabkan oleh kecacatan tetapi strategi pengajaran yang tidak berkesan
5	Pengajaran lebih berkesan apabila mereka dikendalikan dalam kumpulan yang sama	Guru hendaklah membaiki kaedah pengajaran supaya semua murid boleh faham
6	Semua kanak-kanak yang tidak cacat itu adalah normal	Khidmat sokongan perlu disediakan untuk membantu guru dalam pengajaran mereka

Syarat penempatan murid ke program inklusif

- Tidak melebihi 2 hingga 3 tahun kebelakang daripada rakan sebaya
- Boleh menguasai Membaca, Menulis dan Mengira (3M)
- Tiada masalah tingkah laku yang terlalu ketara
- Boleh mengendalikan sendiri makan minum pakaian dan ke tandas
- Boleh berkomunikasi dan bermain dalam kumpulan
- Boleh bergerak dengan bantuan yang minimum
- Boleh memahami dan mengikut arahan

Panduan Pelaksanaan program inklusif

Sebelum pelaksanaan	<ol style="list-style-type: none">Memaklumkan kepada ibu bapa atau penjagaMengenalpasti kekuatan murid pendidikan khas yang hendak diinklusiMengenalpasti kelas aliran perdana yang akan dipilihMenubuhkan jawatankuasaMenerangkan objektif program inklusif kepada AJKMembina jadual waktuMenyediakan program transisi untuk murid pendidikan khas berkenaanMenyediakan Fail Program Inklusif
Semasa pelaksanaan	<ol style="list-style-type: none">Guru pendidikan khas memainkan peranan sebagai guru pendamping kepada murid khasPenyeliaan dan pemerhatian secara berterusan bagi memastikan murid pendidikan

	iii. khas dapat menyesuaikan diri dan belajar dengan selesa Memastikan ibu bapa atau penjaga membuat tindakan susulan di rumah
Penilaian dan tindakan penambahbaikan	i. Pencapaian semasa murid pendidikan khas direkodkan secara berkala sepanjang program untuk melihat perkembangannya ii. Mengubahsuai kaedah pengajaran dan pembelajaran jika perlu supaya sesuai dengan gaya pembelajaran murid berkenaan

Perbezaan individu dan penyesuaian

Manusia berbeza dari aspek jantina, ketinggian, berat, bentuk badan, kesihatan, tahap tenaga, psikologi dan emosi. Dari segi personaliti kanak-kanak khas mudah meniru sikap orang lain. Mereka juga mudah untuk mengubah personaliti secara tiba-tiba. Kebanyakkan kanak-kanak khas tidak mampu mengawal emosi mereka. Mereka mudah berubah emosi secara tiba-tiba.

Terdapat dalam kalangan kanak-kanak khas tidak mampu dikawal. Tingkah laku mereka ekstrim dan di luar jangkaan. Mereka juga boleh mencederakan diri sendiri dan orang lain. Kesihatan mereka juga sering terganggu dan mudah dijangkiti penyakit seperti penyakit jantung, buah pinggang, asma, penyakit hati dan lain-lain penyakit.

Keupayaan fizikal kanak-kanak khas berbeza. Terdapat mereka yang kekurangan anggota fizikal. Mereka juga mempunyai pengenal fizikal yang khusus berbanding murid normal. Perkembangan fizikal mereka juga tidak seiring dengan tahap umur mereka.

Kesan kecacatan kepada individu

Ibu bapa harus mempunyai ilmu dan pengetahuan asas untuk membolehkan mereka mengesan kemungkinan berlakunya kecacatan pada anak-anak ketika masih di peringkat awal. Dengan adanya ilmu, ibu bapa juga

boleh mengambil tindakan pencegahan yang perlu untuk mengelak kecacatan di kalangan kanak-kanak menjejaskan potensi dan kebolehan mereka.

Dari segi tindakan pencegahan, ibu bapa mesti faham faktor-faktor yang membawa risiko tinggi yang boleh menyebabkan kanak-kanak mengalami kecacatan. Punca besar yang sering dipandang ringan ialah bila anak-anak demam panas, ada ibu bapa yang tidak mengambil tindakan untuk menurunkan suhu badan mereka, terapinya cukup mudah iaitu dengan meletakkan ais di dahi mereka sudah memadai. Tetapi kerana tidak sedar dan tiada pengetahuan bahawa demam panas dengan suhu yang tinggi boleh menyebabkan kecacatan pada kanak-kanak, jadi dalam banyak kes tindakan mudah seperti ini pun tidak dilakukan oleh ibu bapa.

Ilmu asas seperti itu tidak dimiliki oleh ibu bapa, boleh menyebabkan seseorang kanak-kanak yang mempunyai masa depan yang cerah berkesudahan menjadi cacat, termasuk daripada segi kebolehannya. Dalam pada itu, sehingga kini sebanyak 428 buah pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) telah diwujudkan di seluruh negara, di mana lebih 14,000 kanak-kanak istimewa termasuk yang cacat anggota, pendengaran dan penglihatan sedang menerima bimbingan, didikan serta kemahiran bagi membantu mereka meneruskan penghidupan secara berdikari ketika dewasa kelak.

Sementara hampir 4,500 golongan istimewa itu yang berada di rumah masih mendapat perhatian dan bimbingan daripada para petugas pusat PDK yang membuat lawatan ke rumah mereka. Bagaimanapun masih banyak kanak-kanak kelainan upaya yang tidak berpeluang untuk mendapatkan bimbingan di pusat-pusat berkenaan hanya disebabkan ada para ibu bapa yang mempunyai perasaan malu dan sikap berserah sahaja dan kurang berminat untuk melibatkan anak-anak mereka di pusat-pusat PDK.

Sewajarnya perasaan sedemikian tidak harus wujud kerana berdasarkan pendapat pakar-pakar perubahan, kanak-kanak kelainan upaya ini berpotensi untuk diberi latihan, didikan dan bimbingan di dalam sesuatu bidang kemahiran tertentu bagi membolehkan mereka menjadi individu yang produktif serta berupaya menyumbang kepada masyarakat dan negara. Sekiranya peluang itu diabaikan, amat sayang kerana kanak-kanak tersebut tidak berupaya untuk meneruskan kehidupan secara berdikari. Para ibu bapa dan penjaga akan diberi pengetahuan dan pendedahan sebaik mungkin untuk memahami potensi yang boleh diterokai oleh anak-anak istimewa ini. Usaha intervensi awal akan lebih berjaya sekiranya Kementerian Kesihatan dapat menghantar pakar ke sekolah-sekolah untuk mengesan abnormaliti di kalangan pelajar sekolah.

1.3.2 STRATEGI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Kepelbagaian kecacatan yang dialami murid bukan sahaja banyak mempengaruhi kesediaan murid dalam menerima pembelajaran malah juga melibatkan kemahiran guru itu sendiri. Harus difahami bahawa kepelbagaian kecacatan merangkumi masalah sensori, neorologi, psikologi dan tingkah laku dalam diri seorang murid. Tidak untuk menafikan hak murid tersebut untuk belajar, namun agak sukar bagi seorang guru yang terhad kemahirannya untuk membimbing murid yang mengalami kepelbagaian yang pelbagai dan melebihi seorang dalam satu-satu masa.

Contohnya seorang guru hanya mahir dalam masalah pembelajaran murid tetapi tidak mahir dalam masalah perubahan tingkah laku atau masalah pertuturan murid. Adalah perkara yang sukar untuk mencapai objektif pembelajaran sekiranya masalah utama tidak diatasi. Bagi mengatasi masalah murid ini di peringkat sekolah, beberapa orang guru perlu memberi tumpuan kepada murid ini dalam satu-satu waktu. Namun perlu diingat memberi tumpuan khusus kepada seorang akan menyebabkan rakan-rakan lain terabai.

Masalah timbul apabila guru mengajar secara kelas tanpa menyelitikan unsur-unsur pemulihan untuk murid yang bermasalah dalam pembelajaran. Kesannya, murid khas akan bertambah teruk dan ketinggalan dalam pembelajaran. Guru perlu memahami prinsip-prinsip pengajaran dan dapat mempraktikkan prinsip-prinsip itu sepenuhnya.

- **Pendekatan** – langkah-langkah yang diambil bagi memulakan dan melaksanakan pengajaran.
- **Kaedah** – langkah-langkah dan peringkat yang diatur untuk mengajar sesuatu bahasa atau bahagiannya sesuai dengan pendekatan yang dipegang.
- **Teknik** – cara yang lebih khusus atau spesifik yang digunakan untuk mengajar sesuatu kemahiran atau aspek bahasa. Teknik yang dicipta dapat membantu guru menjayakan sesuatu kaedah pengajaran

a. Pengajaran secara individu

- Seorang guru dengan murid sahaja
- Untuk mengatasi kelemahan dalam pengajaran berkumpulan
- Sesuai untuk murid-murid pendidikan khas

Ciri-ciri pengajaran individu

- Pengajaran berdasarkan kebolehan dan kemampuan seseorang murid
- Penilaian berkala untuk memberi maklum balas kepada murid mengenai penguasaan kemahiran dan pengetahuan mereka
- Pelajar mempunyai peluang untuk memilih matlamat pembelajaran, hasil dan aktiviti.

Untuk mendapat hasil yang berkesan faktor-faktor yang harus diambil kira;

- Kebolehan dan pengalaman sedia ada murid
- Punca masalah yang dihadapi
- Strategi dan teknik yang sesuai
- Isi pengajaran dan Bahan Bantu Belajar (BBB)

- Langkah-langkah pengajaran dari mudah ke susah
- Masa dan tempat pengajaran
- Aktiviti pengukuhan dan penilaian
- Aktiviti pembelajaran bagi murid-murid lain



Memikir

Ingat, kanak-kanak suka bermain. Bagaimana guru hendak jadikan bermain sebagai satu bentuk pembelajaran yang berkesan?

b. Pengajaran kumpulan

- Bertujuan agar murid dapat menguasai kemahiran yang tertentu mengikut kadar pembelajaran yang sepadan dengan kebolehan mereka
- Strategi pengajaran dan pembelajaran berasaskan kepada perubahan strategi pengajaran yang berorientasikan guru kepada strategi yang berpusatkan murid
- Kaedah ini memerlukan murid belajar dan membuat kerja dalam kumpulan. Kumpulan diwujudkan berdasarkan kebolehan atau pun perbezaan minat

Ciri-ciri pengajaran kumpulan

- Aktiviti secara kumpulan harus mempunyai satu tujuan. Guru perlu memilih prosuder pengajaran secara kumpulan yang boleh membantu murid mencapai objektif
- Tanggungjawab guru untuk mengenal pasti tajuk yang sesuai untuk kumpulan
- Penglibatan pelajar secara aktif dalam kumpulan
- Semangat bekerjasama dalam kumpulan harus dipupuk

Prinsip-prinsip pengajaran berkumpulan

- Guru menjalankan penilaian bertujuan untuk mengetahui taraf pencapaian murid terlebih dahulu
- Melantik ketua dalam setiap kumpulan untuk membantu guru

- Penyusunan meja kerusi haruslah memudahkan murid-murid menjalankan aktiviti
- Bahan-bahan pembelajaran mencukupi
- Arahan yang jelas diberi agar murid tidak keliru
- Memastikan disiplin murid terkawal

Jenis kumpulan

- i. Kumpulan sama kebolehan
 - Kumpulan mengikut kebolehan untuk membolehkan guru merancang aktiviti pengajaran secara berperingkat
 - Dibahagi kepada 3 kumpulan (cerdas, sederhana dan lemah)
 - Pembahagian melalui ujian diagnostik
 - Ahli-ahli kumpulan tidak kekal
 - Komposisi ahli tidak sama dalam setiap kumpulan untuk mata pelajaran berlainan
- ii. Kumpulan pelbagai kebolehan
 - Menyampaikan pengajaran mengikut tahap kebolehan setiap murid
 - Mengenal pasti kebolehan murid
 - Menentukan strategi Pengajaran dan Pembelajaran yang sesuai
 - Merancang dan menyusun aktiviti yang berbeza
 - Pendedahan kemahiran mengajar yang sesuai kepada guru-guru.
- iii. Kumpulan mengikut minat
 - Selalunya tidak menekankan kepada pembelajaran berasaskan akademik
 - Lebih tertumpu kepada minat dan bakat
 - Kumpulan ini juga boleh kekal atau sementara



Latihan

Bagaimana model pengajaran kumpulan memberi kesan positif terhadap penguasaan murid dalam pembelajaran mata pelajaran Matematik?

Kelebihan pengajaran secara kumpulan

- Meningkatkan kemahiran sosial dalam kalangan murid
- Meningkatkan kemahiran komunikasi di antara satu sama lain
- Memupuk semangat kerja berpasukan
- Dapat menerapkan nilai-nilai murni seperti kerjasama, tolak ansur dan tolong menolong
- Memupuk keyakinan diri ketika dalam kumpulan

1.3.3 KEMUDAHAN DAN PRASARANA

a. Peruntukan kewangan

- Guru menggunakan peruntukkan kewangan yang diterima untuk menjalankan aktiviti-avktiviti yang berkaitan pendidikan khas
- Guru pendidikan khas haruslah berikhtiar mencari sumber lain
- Guru mestilah pandai mendapat kerjasama guru besar dan ibu bapa (PIBG)
- Ibu bapa menggunakan elaun pendidikan khas bagi memenuhi keperluan anak-anak mereka
- Pentadbir menyalurkan terus peruntukkan kewangan kepada Program Pendidikan Khas

b. Lokasi dan jenis

Prasarana

- Kedudukan kelas yang tidak sesuai
- Keadaan kelas yang uzur atau sempit
- Persekitaran kelas yang tidak kondusif
- Lokasi kelas mestilah tidak menyukarkan pergerakan murid
- Kemudahan dapur bagi tujuan pengajaran kemahiran hidup masakan, dan bilik untuk kemahiran hidup pertukangan
- Kemudahan stor sukan dan permainan
- Kemudahan tandas guru dan murid

Komuniti sekolah dan masyarakat

- Memberi sokongan dan perlu memberi peluang pendidikan yang sama seperti anak normal yang lain
- Mempunyai rasa tanggungjawab untuk mendidik anak-anak ini
- Elakkan stigma pelabelan terutama kepada anak-anak khas ini dengan tidak memandang serong kepada mereka
- Mendedahkan ibu bapa dengan intervensi awal yang boleh dilakukan di rumah
- Membantu meningkatkan motivasi kanak-kanak ini dengan membuat aktiviti yang membina jati diri dan sendiri mereka
- Membantu kanak-kanak ini dalam perkembangan sosial mereka

c. Kemudahan-kemudahan

- Kementerian Pelajaran
 - Dialu-alukan untuk membekalkan sebarang bahan atau alatan pengajaran
 - Memberi perhatian wajar kepada jenis bahan atau alatan dan cara penggunaannya
 - Keutamaan diberi kepada bahan atau alatan yang canggih
- Pusat sumber daerah atau negeri
 - Penyebaran idea-idea inovatif tentang bahan pengajaran
 - Mengadakan pameran berkala untuk memperlihatkan bahan yang bermutu
 - Mengendalikan bengkel pembinaan bahan
 - Menyimpan buku-buku berkaitan dengan pengembangan bahan pendidikan khas
 - Menyimpan contoh-contoh bahan yang bermutu tinggi yang boleh dipinjam oleh guru khas untuk rujukan

1.3.4 KEBERKESANAN PROGRAM PENDIDIKAN KHAS

Faktor yang menentukan kejayaan pendidikan murid berkeperluan khas ialah dasar pendidikan, kurikulum, modul pengajaran, kepakaran guru dan perjawatan serta kemudahan infrastruktur dan peralatan. Dalam usaha untuk menyediakan faktor-faktor tersebut, pelbagai isu yang perlu ditangani dengan bijak dan profesional. Antara isu yang memberi kesan besar kepada keberkesanan Program Pendidikan Khas ialah komitmen pelbagai pihak yang signifikan dengan pendidikan murid berkeperluan khas. Dalam isu ini semua pihak wajar memainkan peranan dengan lebih berkesan.

	PIHAK TERLIBAT	PERANAN
i	Guru	Perlu memiliki kemahiran dan kepakaran tertentu bergantung kepada jenis kecacatan murid yang dilatih.
ii	Ibu bapa	Wajar komited dan pastikan anak mereka mendapat intervensi sewajarnya melalui kerjasama yang mantap antara rumah dengan sekolah.
iii	Kaunselor	Memainkan peranan untuk memastikan murid dan ibu bapa sentiasa bermotivasi meneruskan intervensi yang dirancang.
iv	Komuniti	Perlu prihatin untuk mengenali murid berkeperluan khas terutama rakan sebaya yang normal perlu menjadi pendorong utama yang boleh meransang motivasi murid.
v	Unit Pendidikan Khas	Menyebarkan fakta berkaitan peluang pendidikan murid berkeperluan khas yang disediakan oleh kementerian. Bagi ibu bapa dan masyarakat perlu diperjelaskan agar mereka ini lebih memahami tentang peluang dan keperluan pendidikan murid tersebut.

Isu yang melibatkan murid menjadi satu masalah yang harus menemui jalan penyelesaian secepatnya. Sekiranya murid kerap ponteng sekolah, secara tidak langsung mereka akan ketinggalan beberapa unit pembelajaran di dalam kelas mereka. Dalam usaha memajukan anak-anak, membiarkan mereka di rumah tanpa hadir ke sekolah bukan satu cara yang harus diberikan pujian.

Malah membiarkan anak ke sekolah kemudian balik ke rumah tanpa menelaah juga bukan satu cara yang baik.

Anak harus diberikan pendidikan yang baik di rumah. Sekiranya ibu bapa yang kurang pandai dijadikan satu alasan untuk mereka tidak mengajar anak-anak mereka, maka berilah perhatian serius ke atas kerja sekolah yang telah dibekalkan. Murid boleh belajar bersama kawan-kawan mereka untuk menyiapkan kerja rumah mereka. Paling penting mereka siapkan kerja rumah kerana melalui kerja rumah itu, guru berusaha untuk membina kemantapan konsep dan isi pembelajaran yang telah diajarkan pada sesi pembelajaran di sekolah. Selain pelajaran, kemudahan dan makanan anak-anak juga harus diambil kira.

Ibu bapa memerlukan kesabaran dan paling penting pengorbanan untuk mendidik anak-anak khas agar mereka menjadi sebahagian daripada rakan-rakan yang berada di kelas perdana. Pendidikan khas bukan satu cabang profesion perguruan yang lengang tanpa isu-isu yang membimbangkan, malah jika diambil kira, pendidikan khas ini memberi satu cabaran secara tidak langsung kepada guru khas untuk membentuk murid-muridnya supaya mereka boleh menjadi insan yang membanggakan suatu hari nanti. Belakang parang diasah lagikan tajam. Tegur biar jujur, ajar biar sabar, didik jangan diherdik.



Latihan

Sekolah integrasi akan berjaya mencapai objektifnya sekiranya beberapa masalah dapat ditangani dengan sistematik. Beri pandangan anda.



Rehat

Anda masih lagi mengikuti modul ini dengan tekun dan sabar. Sekarang masa untuk berehat dan minum secawan kopi.

TAJUK 2	ISU PELABELAN, PENGASINGAN DAN INTEGRASI
----------------	---

2.0 SINOPSIS


Tajuk ini membincangkan pelabelan, pengasingan, dan integrasi murid-murid masalah pembelajaran. Turut dibincangkan kesan dan implikasi yang dihadapi oleh murid, guru dan ibu bapa dalam isu-isu tersebut.

2.1 HASIL PEMBELAJARAN

Pada akhir tajuk ini, anda akan dapat:

- menjelaskan implikasi pelabelan, pengasingan dan integrasi terhadap murid bermasalah pembelajaran.
- membincangkan tentang kesan negatif pelabelan, pengasingan dan integrasi terhadap murid bermasalah pembelajaran
- membincangkan isu-isu semasa yang timbul.

2.2 KERANGKA KANDUNGAN



Rajah 2 : Ringkasan rangka kursus

2.3 KANDUNGAN

2.3.1 PELABELAN

Definisi

Pelabelan didefinisikan sebagai mengecap seseorang mempunyai sesuatu sifat yang tidak baik seperti jahat, suka menipu dan sebagainya. Pelabelan juga boleh dianggap sebagai satu tanggapan atau penilaian yang dibuat berdasarkan pandangan individu itu sendiri terhadap sesuatu perkara. Dalam isu pendidikan khas, pelabelan memberi impak yang negatif kepada kanak-kanak khas dan ini akan menimbulkan sensitiviti terhadap murid itu sendiri dan juga kepada ibu bapa mereka.

Implikasi positif pelabelan kepada murid

1. Masalah murid-murid lebih difahami
2. Mewujudkan kesedaran kepada masyarakat mengenai OKU dan kemudahan.
3. Pengajaran dan Pembelajaran oleh guru berfokus terus kepada kemahiran asas untuk berdikari.
4. Membolehkan perkhidmatan khusus diberi kepada kanak-kanak untuk mengikut keperluan seperti rawatan.

Implikasi negatif pelabelan kepada murid

1. Mewujudkan sifat pemalu yang tinggi dan rasa rendah diri dalam kalangan kanak-kanak ini
2. Murid sering diketepikan dalam segala aktiviti yang diadakan di sekolah iaitu pengabaian dalam pembelajaran
3. Timbulnya pelbagai istilah negatif bukan sahaja menyebabkan murid patah hati untuk belajar tetapi menjurus kepada masalah disiplin.
4. Mempamerkan imej yang negatif seperti kanak-kanak ADHD dilabelkan sebagai jahat dan nakal
5. Masyarakat sering memandang serong kepada mereka

Implikasi positif pelabelan kepada guru

1. Memudahkan guru membuat rancangan pengajaran individu.
2. Mengukur tahap murid berdasarkan ujian-ujian yang dilaksanakan.
3. Pelabelan dapat membantu dalam mengenal pasti faktor yang membawa kepada kecacatan dan masalah.

Implikasi negatif pelabelan kepada guru

1. Guru pendidikan khas disamatarafkan dengan murid
2. Menimbulkan persepsi negatif guru aliran perdana terhadap guru pendidikan khas
3. Dikatakan tidak mahu bercampur gaul dengan guru perdana.
4. Dipandang sebagai golongan kelas kedua

Implikasi positif pelabelan kepada ibu bapa

1. Dapat mengenalpasti kekuatan dan kelemahan anak mereka dan mengetahui strategi-strategi berkesan yang boleh digunakan untuk memaksimumkan potensi anak.
2. Mendapat kemudahan bantuan daripada kerajaan dan NGO.

Implikasi negatif pelabelan kepada ibu bapa

1. Tekanan psikologi dan rasa rendah diri
2. Tidak dapat menerima persepsi masyarakat terhadap anak-anak mereka.
3. Mereka dilihat sebagai liabiliti bukannya sebagai aset

2.3.2 PENGASINGAN

Definisi

Pengasingan juga dikenali sebagai segregasi. Pengasingan juga dikenali sebagai pemisahan berlaku dalam beberapa keadaan antaranya dari segi kawasan tempat tinggal, sistem persekolahan, pengangkutan dan kemudahan awam.

Implikasi positif kepada murid

1. Mendapat tumpuan yang lebih.
2. Kemudahan infrastruktur yang lengkap.
3. Kurang masalah disiplin berlaku.
4. Kesan pembelajaran lebih baik.
5. Kepakaran guru yang khusus
6. Meningkatkan motivasi
7. Meningkatkan keyakinan diri

Implikasi negatif kepada murid

- Peluang interaksi yang kurang dengan pelajar normal.
- Masalah penyesuaian diri dalam masyarakat.
- Kurang mendapat perhatian dan tanggungjawab ibu bapa
- Meningkatkan kecenderungan melabel dan menyalah label ke atas pelajar berkeperluan khas.



Memikir

Kenapa Diasingkan?

- Kerana mempunyai masalah dalam pembelajaran dari segi bahasa, matematik dan pengamatan
- Guru mengenal pasti masalah murid dan dapat diatasi dengan menggunakan kaedah yang sesuai
- Interaksi yang kurang dengan murid normal
- Kurang mendapat perhatian dalam kelas normal
- Gangguan daripada rakan sebaya
- Terdapat peruntukkan yang telah disediakan

Sokongan dan kerjasama

Guru menggunakan strategi pengajaran yang sesuai dengan kemahiran yang hendak diajar. Guru menggunakan bahan bantu belajar yang sesuai dengan kemahiran yang hendak diajar . Guru juga perlu memberi motivasi kepada murid berkeperluan khas supaya dapat mengatasi masalah yang dihadapi oleh mereka. Guru di aliran perdana perlu memberi kerjasama dalam membantu masalah murid berkeperluan khas seperti memberi perhatian kepada murid-murid tersebut.

Pihak sekolah boleh menyediakan kemudahan yang kondusif untuk kelas pendidikan khas seperti kelas khas, bahan bantu belajar, perabot dan lain-lain. Menyediakan bantuan kewangan untuk program pendidikan khas supaya guru pendidikan khas dapat menyediakan keperluan yang sesuai untuk pengajaran. Selain itu pihak sekolah juga perlu memberi motivasi kepada murid-murid berkeperluan khas dan tidak memandang rendah atas ketidakupayaan mereka.

Ibu bapa boleh memberi galakkan kepada anak-anak dengan memantau prestasi pelajaran anak-anak, menyediakan kemudahan untuk belajar seperti buku, alat tulis, bahan rujukan dan sebagainya. Ibu bapa juga boleh memberi motivasi kepada anak-anak supaya mereka menjadi lebih bersemangat untuk belajar dengan menyediakan persekitaran pembelajaran yang kondusif.

Peruntukan kewangan yang terus dari kerajaan dapat membantu menjayakan Program Pendidikan Khas seperti pengurusan kewangan Sekolah Bertaraf Pusat Tanggungjawab (PTJ). Sekolah bertaraf PTJ mendapat pertambahan sumber peruntukan dan kuasa berbelanja yang memudahkan Guru Besar membuat perancangan tentang pembangunan akademik dan kokurikulum. Kerjasama pelbagai disiplin seperti guru, pegawai perubatan, ahli terapi dan ahli psikologi dapat membantu menjayakan program tersebut

Masalah dalam pembelajaran

Masalah pembelajaran sebagai satu kontinum

Kontinum = kelompok

Lokasi

- Kedudukan bangunan atau kelas yang terasing.
- Masalah ruang yang terhad

Sosial

- Pergaulan yang terhad dengan warga sekolah.
- Kurang penglibatan dalam aktiviti sekolah.

Kurang sokongan pihak pentadbir

- Layanan sebagai golongan kelas kedua.
- Kurangnya peruntukan kewangan.
- Sikap kurang senang pihak pentadbir apabila murid pendidikan khas mengambil peperiksaan awam.

Kurang perkongsian pintar di antara pihak sekolah dengan pihak bukan kerajaan (NGO)

- Masalah kekurangan kepakaran serta bahan mengajar di sekolah-sekolah khas
- NASOM (The National Autism Society Of Malaysia) iaitu kepakaran untuk kanak-kanak autisme

2.3.3 INTEGRASI

Definisi

Integrasi bermaksud mendidik kanak-kanak berkeperluan khas bersama-sama dengan kanak-kanak biasa. Integrasi juga didefinisikan sebagai menyediakan pendidikan kepada kanak-kanak berkeperluan khas di sekolah-sekolah biasa.

Program integrasi (Program Pendidikan Khas) terletak di bawah kelolaan Bahagian Pendidikan Khas, Kementerian Pelajaran Malaysia. Kanak-kanak perlu mematuhi prosedur yang ditetapkan oleh Bahagian Pendidikan Khas dan Jabatan Pendidikan Negeri dalam memasuki program integrasi ini.

Ibu bapa boleh memainkan peranan dalam membantu mempertingkatkan perkembangan program integrasi pendidikan khas di sekolah dengan mengambil berat tentang perkembangan persekolahan anak mereka serta mengambil tahu aktiviti yang dirancang untuk anak-anak mereka di sekolah. Ibu bapa juga boleh sama-sama melibatkan diri dalam aktiviti dan program yang diatur oleh sekolah. Bantuan dari pelbagai sumber seperti sumbangan derma dalam bentuk kewangan dan benda dapat dilakukan. Selain itu menjadi ahli jawatankuasa dan menjalin hubungan yang baik dengan pihak sekolah dengan memberi idea dan pandangan yang positif dalam menjayakan program tersebut.

Normalisasi

Terma falsafah yang bermaksud memberi hak dan peluang kepada mereka yang berkeperluan khas untuk menikmati peluang pendidikan dan kehidupan sesempurna mungkin. Dalam konteks pendidikan khas, proses normalisasi adalah bertujuan memberi hak kepada individu kurang upaya supaya mereka dapat menyesuaikan diri dengan cara hidup normal orang lain dalam sesebuah masyarakat.

Matlamat utama mendidik kanak-kanak dengan keperluan khas adalah memastikan mereka dapat mempelajari dan menguasai pengetahuan dan kemahiran yang membolehkan mereka merancang dan menguruskan kehidupan sendiri sama seperti individu normal yang lain. Prinsip ini memberi peluang kepada mereka yang berkeperluan khas merasa kehadiran mereka hampir senormal mungkin.

Allen (1969) dalam Walker & Shea (1995) telah menggariskan tiga prinsip sebagai panduan. Perkara yang perlu diberikan perhatian:

- Persekitaran sebenar kanak-kanak.
- Persamaan dan perbezaan di kalangan berbagai kumpulan dalam masyarakat.
- Pengetahuan tentang pertumbuhan dan perkembangan, keperluan, kehendak, kekuatan, dan ketidakupayaan.

Masalah normalisasi

- Kurang peluang dalam penglibatan kokurikulum.
- Memerlukan latihan yang khusus untuk mengurangkan tahap ketidakupayaan.
- Kurang penyesuaian terhadap murid-murid biasa.

Masalah disiplin

- Pergaduhan dengan pelajar normal.
- Berkeliaran semasa pengajaran dan pembelajaran
- Terpengaruh dengan masalah disiplin pelajar normal.
- Kurang berminat untuk melakukan tugas yang diberi guru

Pemilihan kelas

- Berdasarkan kecacatan
- Berdasarkan IQ



Latihan

Huraikan implikasi pelabelan terhadap murid-murid pendidikan khas



Perbincangan

Pada pandangan anda, apakah sebab utama kelas pendidikan khas integrasi di tempatkan di lokasi yang kurang sesuai. Bincangkan.



Rehat

Setelah anda menyiapkan latihan yang dicadangkan anda boleh rehat sebentar

TAJUK 3	KEPELBAGAIAN KOMPETENSI MURID
----------------	--------------------------------------

3.0 SINOPSIS


Tajuk ini bertujuan memberikan pengenalan dan kefahaman tentang kepelbagaian kompetensi murid dengan membincangkan kompetensi sendiri, kompetensi sosial dan pembentukan sikap murid khas. Dengan kefahaman ini guru akan dapat menangani masalah personaliti dan peribadi murid khas dalam meningkatkan kemahiran inter dan intra personal yang dapat membolehkan seseorang murid khas berfungsi sebagai masyarakat yang berkesan.

3.1 HASIL PEMBELAJARAN

Pada akhir tajuk ini, anda akan dapat:

- i. Menjelaskan tentang konsep dan kepentingan kepelbagaian kompetensi yang ada pada murid khas.
- ii. Membuat dan membanding ciri-ciri dan situasi yang ada dalam persekitaran pendidikan murid khas.
- iii. Memilih strategi yang sesuai untuk mengurus kepelbagaian masalah murid khas.

3.2 KERANGKA KANDUNGAN



Rajah 3 : Ringkasan rangka kursus

3.3 KANDUNGAN

Pendahuluan

Kepelbagaian kompetensi murid sudah pastilah memberi kepelbagaian rentak tingkah laku murid-murid khas. Maka tidak hairanlah, perkara ini boleh menjadi satu isu. Oleh itu cara menangani masalah ini, guru sendiri perlu mengetahui tahap keupayaan murid dengan sebaiknya. Untuk mengetahui tahap kebolehan dan pengetahuan murid ini, pemerhatian yang tidak formal boleh dilakukan bagi memastikan tingkah laku dan kebolehan murid yang sedia ada.

Sebagai contoh, guru boleh melihat gaya komunikasi murid bercakap. Di sini guru dapat melihat setakat manakah kemampuan murid dalam berbahasa. Dari aspek akademik, lembaran kerja yang disiapkan oleh murid juga boleh menjadi satu penanda aras akan kebolehan murid-murid ini. Maka guru akan

dapat mengenal dengan lebih jelas di mana kelemahan dan kelebihan murid-muridnya. Guru juga akan mampu merancang strategi yang bersesuaian mengikut tahap murid itu.

3.3.1 KOMPETENSI KENDIRI

Merupakan kecekapan atau berkeupayaan dalam mengawal pengurusan sendiri yang boleh dilihat dari beberapa aspek seperti kawalan sendiri, amanah, ketekunan, kebolehsuaian dan inovasi. Tiap-tiap aspek ini mempengaruhi dan membentuk watak individu dari segi emosi.

Kesedaran sendiri

Kesedaran sendiri bermaksud seseorang individu itu dapat menyesuaikan dirinya dengan isyarat dalamannya seperti mengetahui kedudukan dalamannya iaitu individu itu mengetahui keadaan dirinya sendiri seperti cepat marah atau gembira dan sebagainya. Kesedaran sendiri juga merujuk kepada seseorang yang mempunyai pengetahuan mengenai kesedaran, kefahaman mengenai dirinya, persekitaran dan penciptanya.

Murid yang mempunyai kesedaran sendiri yang tinggi adalah kurang ganas, boleh menyelesaikan sengketa antara mereka tanpa pertolongan guru. Mereka lebih kooperatif, sedia membantu, berharapan cerah dan rasa berempati. Mereka juga boleh menumpu perhatian, mencuba, mengatasi masalah dan bersungguh-sungguh dalam proses pembelajaran.

Individu yang mempunyai kesedaran sendiri dapat membuat tafsiran yang tepat serta mempunyai keyakinan diri. Individu ini akan mempunyai penghormatan sendiri yang akan membawa kesejahteraan sendiri.

	PERKARA	CIRI-CIRI	SITUASI
1	Kesedaran Emosi Kendiri	Emosi sendiri Mengesan impaknya Menggunakan gerak hati sebagai panduan membuat keputusan	Aiman menangis kesedihan apabila mengenangkan peristiwa hitam yang menimpanya dua tahun lepas
2	Kesedaran Ketepatan Kendiri	Mengetahui kekuatan seseorang Mengetahui batasan	Setelah melihat wajah ayahnya merah padam, Sazali tidak berani lagi untuk berkata-kata.
3	Keyakinan Kendiri	Kepercayaan yang tinggi terhadap diri	Berkat usaha yang gigih, Rina yakin bahawa dia akan lulus dengan cemerlang dalam peperiksaan akhir tahun
4	Penghormatan Kendiri	Berupaya untuk memahami, menerima dan menghormati diri sendiri	Kumar berhenti seketika sebelum meneruskan semula larian sejauh 2.4km itu kerana sedar akan kebolehan dirinya
5	Kesejahteraan	Berpuas hati dengan kehidupan sendiri, menikmati kehidupan dan bersama orang lain	Berkat usahanya mencari rezeki dengan bekerja sebagai petani, mereka sekeluarga akhirnya dapat menikmati kehidupan yang bahagia.

Individu yang memiliki kompetensi ini biasanya

- i. sedar emosi yang dirasakan dan sebabnya
- ii. sedar akan kaitan antara perasaan dan pemikiran, perlakuan dan pertuturan.
- iii. sedar bagaimana emosinya mempengaruhi prestasinya
- iv. mempunyai kesedaran tinggi tentang nilai dan matlamat hidup
- v. sedar tentang kelemahan dan kekuatan diri
- vi. refleksi dan belajar dari pengalaman
- vii. terbuka kepada maklumbalas yang jujur dan perspektif baru atau pembelajaran berterusan atau perkembangan diri atau semuanya
- viii. berupaya menunjukkan unsur kecindanan dan perspektif lain tentang diri sendiri
- ix. berkeyakinan, berketrampilan dan disedari kehadirannya
- x. berani menyuarakan pandangan yang kurang popular dan mempertahankan sesuatu yang betul
- xi. berkebolehan membuat keputusan yang baik walaupun dalam ketidakpastian dan tekanan

Pengurusan sendiri

Pengurusan sendiri bermaksud seseorang individu itu dapat mengurus keadaan dalamannya dalam bentuk dorongan dan potensi dirinya sendiri. Sebagai contoh yang boleh dilihat ialah melalui dorongan dan potensi yang seseorang individu itu peroleh dia dapat menguruskannya dengan baik melalui keadaan dalamannya. Murid yang dapat mengawal dirinya dengan baik tidak mendatangkan masalah dalam pembelajaran di bilik darjah.

Individu ini akan dapat menguruskan emosi yang destruktif. Individu ini memiliki kompetensi yang biasanya mengurus perasaan dan emosi negatif dengan baik, tenang dan positif semasa tertekan. Dapat berfikiran waras dan berfokus dalam tekanan

Individu ini bertanggungjawab atas prestasi dirinya. Individu yang mempunyai kompetensi ini biasanya akan mempunyai komitmen dan menunaikan janji, bersifat akauntabiliti untuk memenuhi objektif serta teratur dan sistematik dalam melaksanakan tugas.

Individu ini akan dapat mengekalkan piawaian kejujuran dan integriti. Individu ini juga memiliki kompetensi yang biasanya akan bertindak secara beretika mengikut peraturan, membina keyakinan melalui kebolehpercayaan autentisiti. Dapat mengakui kesalahan sendiri dan menentang tindakan tidak beretika orang lain serta mengekalkan pandangan yang ada prinsip walaupun tidak popular.

Individu ini mempunyai kesediaan bertindak apabila ada peluang. Biasanya individu yang memiliki kompetensi ini biasanya bersedia memanfaatkan peluang dan mengejar matlamat yang tinggi daripada yang diperlukan atau dijangkakan. Mengenenpikan birokrasi dan peraturan sekiranya perlu untuk menyelesaikan tugas juga memobilisasikan orang lain melalui usaha-usaha yang luar biasa dan berfaedah.

	PERKARA	CIRI-CIRI	SITUASI
1	Kawalan Emosi Kendiri	Keupayaan mengawal emosi	Rahim menumbuk dinding bilik kerana marah akan adiknya
2	Kebolehsuaian	Keupayaan menangani perubahan	Akibat cuaca malam yang sejuk, Shamsir menggunakan selimut yang tebal semasa tidur
3	Kebolehpercayaan	Amanah dan boleh dipercayai	Sebelum pulang ke kampung, Hanani memberikan kunci rumah kepada jirannya untuk dijaga

4	Ketekunan	Berhati-hati,cermat dan bertanggungjawab	Soalan peperiksaan itu dibaca dengan penuh berhati-hati oleh Amira sebelum dia menjawabnya
---	-----------	--	--

Motivasi sendiri

Motivasi diri sendiri adalah tenaga yang mengangkat diri seseorang itu ke sebarang tahap yang diingini. Orang yang benar-benar berjaya sentiasa sedar akan tanggungjawabnya dalam motivasi diri sendiri. Dia memulakan dari dirinya sendiri, kerana dialah yang memiliki kunci penggerak dirinya.

Alasan yang lumrah yang menyebabkan kegagalan seseorang itu ialah kerana mengabaikan sama sekali tenaga motivasi diri sendiri. Adalah mustahil untuk memotivasikan diri orang lain sebelum kita belajar memotivasikan diri kita sendiri. Peluang akan berada di mana-mana bagi seseorang yang mengerti dan menggunakan motivasi diri sendiri.

Pada asasnya apa yang kita perolehi dari hidup ini bergantung kepada bagaimana kita menyesuaikan apa yang kita mahu dengan motivasi diri sendiri. Tenaga motivasi diri sendiri datang dari satu tindakan rancangan peribadi teguh dan pelaksanaan rancangan tersebut dalam kehidupan anda setiap hari. Jika anda tidak dapat memanfaatkan tenaga anda dan potensi anda sendiri maka mental anda akan terlantar sepanjang hayat



Latihan

Terdapat juga murid khas yang mempunyai sikap rajin dan bertanggungjawab. Apakah aspek tingkah laku yang membentuk murid tersebut?

3.3.2 KOMPETENSI SOSIAL

Kompetensi sosial adalah salah satu faktor yang selalunya dipinggirkan dalam mencapai suatu tujuan pendidikan. Seorang guru juga adalah manusia maka guru tidak dapat melarikan diri dari kehidupan sosial kemasyarakatan. Kompetensi sosial guru adalah kemampuan guru untuk berkomunikasi dan berinteraksi secara efektif dan efisien dengan murid, sesama guru, orang tua, waris murid dan masyarakat.

Kompetensi sosial merupakan kemampuan individu untuk menyesuaikan diri kepada tuntutan kerja dan lingkungan sekitar pada waktu bertugas. Antara kompetensi sosial seperti pandai berkomunikasi dengan anak murid dan ibu bapa, mempunyai perasaan simpati, pandai bergaul dengan kawan sekerja dalam meningkatkan mutu pendidikan dan memahami dunia persekitaran.

Kompetensi sosial murid khas penting dalam membentuk keyakinan dirinya. Murid khas banyak mempraktikkan kompetensi sosial sewaktu aktiviti bermain dan bersosial sesama rakannya. Mereka dapat berkomunikasi dan bergaul dengan baik andai mereka mempunyai sifat sendiri yang tinggi dan yakin pada kebolehannya.

Kesedaran sosial

Kesedaran sosial bermaksud seseorang individu itu sedar mengenai perasaan, kemahuan dan perihal orang lain. Ini menunjukkan individu tersebut mengambil tahu tentang seseorang yang lain selain dari dirinya. Kesedaran sosial harus dibangunkan supaya keadaan emosi kita mantap dan perhubungan kita dengan orang lain bermakna dan berhasil.

Jika kita selalu menghadapi masalah dalam perhubungan kita dengan orang lain, tentu ini satu petunjuk bahawa ada sesuatu tidak betul dengan kompetensi sosial kita. Maka kita harus membuat refleksi diri dan mengubah supaya kompetensi-kompetensi ini dapat dikembangkan. Ingat, kita harus

bertanggungjawab atas emosi dan kesejahteraan kita. Jangan anggap orang lain mengakibatkan perasaan anda dan jangan anggap orang lain patut menggembirakan anda.

Kesedaran sosial memerlukan individu itu menunjukkan beberapa jenis tingkah laku seperti empati, membangun individu lain, kesedaran organisasi, orientasi khidmat dan melayani kepelbagaian. Empati bermaksud memahami individu dalam mengesan emosi dan memahami pandangan orang lain dan mengambil berat tentang masalah mereka. Seseorang yang mempunyai sifat empati ini akan peka kepada emosi orang lain, bersedia mendengar, prihatin dan memahami perspektif pandangan orang lain serta membantu juga memahami perasaan dan keperluan orang lain.

Membangunkan orang lain bererti kita dapat mengesan bagaimana orang lain boleh berkembang dan menggalakkan kebolehan dan keupayaan mereka. Individu ini mempunyai kecekapan memuji dan memberi ganjaran bagi menghargai ketekunan, kejayaan dan perkembangan orang lain. Selain itu memberi maklum balas yang membina perkembangan mereka.

Kesedaran organisasi merupakan individu itu sedar dan pintar membaca arus emosi sesuatu kumpulan dan berupaya mengesan hubungan-hubungan kuasa dalam kumpulan. Individu ini juga peka kepada faktor-faktor yang mempengaruhi pandangan dan tingkah laku orang lain dan persaingan masing-masing.

Orientasi perkhidmatan ialah dapat menjangka, mengenali dan memenuhi keperluan orang lain. Individu ini memahami keperluan dan memikirkan cara-cara untuk meningkatkan kehendak orang lain, bersedia memberi bantuan dan memberi nasihat yang menyakinkan.

Melayani kepelbagaian adalah dengan menghormati dan bergaul dengan baik dengan orang daripada pelbagai latar belakang. Melihat kepelbagaian sebagai kesempatan dan mewujudkan suasana di mana manusia pelbagai ragam boleh berkembang.

	PERKARA	MAKSUD	SITUASI
1	Empati	Sedar akan perasaan dan keperluan orang lain Mengambil berat	Ramlah sanggup memberikan makan yang dibawanya kepada pengemis itu
2	Membangun individu lain	Kesedaran keperluan pembangunan individu lain dan membantu untuk peningkatan	Ayah menasihatkan Ali supaya berusaha bersungguh-sungguh dalam pelajaran
3	Kesedaran organisasi	Keupayaan membaca perubahan emosi selaras dengan perubahan semasa	Basri merasa terkilang kerana dia tidak berjaya melanjutkan pelajaran ke peringkat universiti seperti abang dan kakaknya.
4	Orientasi perkhidmatan	Boleh menjangka, mengenal pasti dan memenuhi keperluan individu	Setelah melihat isterinya terpaksa menggunakan perkhidmatan bas, Ali membelikan sebuah kereta kepada isterinya.
5	Melayani kepelbagaian	Membina peluang-peluang melalui pelbagai ragam manusia	Di sebalik pergaduhan itu, mereka akhirnya bekerjasama dalam satu pasukan.

Kemahiran sosial

Kemahiran sosial bermaksud seseorang individu itu dapat menyesuaikan dirinya dalam sesuatu situasi dan menginginkan tindak balas daripada orang lain

Kemahiran yang membantu individu menjalin hubungan sosial yang lebih baik seperti membina persahabatan, berbual dengan orang lain, mempunyai budi pekerti yang baik dan mempunyai rasa empati terhadap orang lain.

Kemahiran sosial melibatkan interaksi harian seperti perkongsian, mengikut giliran dan membiarkan orang lain bercakap tanpa menyampuk. Selain daripada itu, interaksi sosial juga melibatkan bagaimana kita menghadapi dalam kawalan diri seperti pengurusan kemarahan. Kemahiran sosial yang baik melibatkan kefahaman dan dapat mengendalikan perasaan diri sendiri. Ini termasuklah mengetahui perasaan anda, meluahkan perasaan, memahami perasaan orang lain, menguruskan kemarahan, mengatasi perasaan takut dan malu serta menghargai diri sendiri.

Berinteraksi secara positif dengan mengambil inisiatif untuk membantu orang lain, mendekati orang lain dengan cara yang boleh diterima. Selain itu belajar untuk mendapat dan mengekalkan persahabatan. Mengetahui cara menghadapi konflik akan membantu individu meneruskan hidup dengan lebih baik.

Kepimpinan berinspirasi bererti individu itu dapat membimbing dan memberi inspirasi kepada kumpulan dan ahli-ahlinya. Individu ini mempunyai tingkah laku bersedia memimpin bila perlu tanpa mengira kedudukan dengan membimbing dan mewujudkan minat serta sokongan kepada satu visi dan misi yang sama.

Dalam kemahiran sosial, berkomunikasi adalah penting dengan individu itu berkebolehan menyampaikan mesej yang jelas, tepat dan menyakinkan. Individu ini adalah seorang yang bertolak ansur, dapat menyelesaikan masalah dengan telus dan memupuk komunikasi terbuka. Bersedia menerima maklum balas walaupun baik atau buruk dan dapat mendengar, memahami dan mengalu-alukan perkongsian maklumat.

Pemangkin perubahan bererti individu itu akan memulakan atau mengurus perubahan dalam kumpulannya. Individu ini mempunyai tingkah laku dengan menjadi model perubahan untuk orang lain, menyokong perubahan dan mengesahkan perlunya perubahan.

Individu yang dapat mengurus konflik adalah individu yang dapat membuat rundingan dan menyelesaikan perselisihan faham dengan baik. Mempunyai diplomasi semasa menangani rakan-rakan yang bermasalah atau situasi yang tegang dengan mengambil tindakan bijak dalam penyelesaian konflik dan perselisihan.

	PERKARA	MAKSUD	SITUASI
1	Kepimpinan berinspirasi	Memandu dan mendorong desakan visi	Emak sentiasa memberi nasihat yang berguna kepada Ali agar dia menjadi manusia yang berguna.
2	Komunikasi	Menyampaikan maklumat yang jelas dan meyakinkan	Johan memberitahu Ismail bahawa dia tidak berpuas hati dengan sikap tamak yang ditunjukkan oleh Ismail.
3	Pengaruh	Menggunakan pelbagai teknik untuk memujuk	Ayah menghadihkan buku cerita kepada Rahim bagi memupuk minat membaca dalam diri anaknya itu
4	Pemangkin perubahan	Memulakan hala tuju baru, mengurus dan memimpin perubahan	Samad berazam untuk bekerja bersungguh-sungguh apabila dibebaskan dari penjara kelak.



Fakta

Kemahiran intrapersonal adalah satu kemahiran mengawal perasaan dalam diri seseorang. Dapat membawa diri dalam berbagai situasi dan ketika, tidak panik dan tidak gelabah menghadapi krisis.



Rehat

Anda masih lagi mengikuti modul ini dengan tekun dan sabar. Sekarang masa untuk berehat dan minum secawan kopi.

3.3.3 PEMBENTUKAN SIKAP

Dalam sistem kurikulum pendidikan khas, kita hanya fokus kepada membantu mempertingkatkan kemahiran akademik kanak-kanak khas ini berbanding dengan kemahiran atau kecekapan sosial mereka. Hakikat yang perlu diterima ialah kejayaan kanak-kanak khas ini banyak bergantung kepada keterbukaan mereka dalam kecekapan sosial berbanding kebolehan akademik mereka. Namun apa yang berlaku kini adalah sebaliknya. Kanak-kanak ini selalunya berada terkebelakang dalam pembangunan sosialnya jika dibanding dengan rakan sebayanya.

Kanak-kanak khas kurang memiliki kemahiran sosial dalam interaksi sosial dan mengalami masalah kesukaran mencipta dan mengekalkan hubungan rakan sebaya yang baik. Mereka kurang diterima oleh rakan sebaya memandangkan mereka ini selalunya kaku dan silap tafsir terhadap klu sosial selain interaksi mereka ada saja yang tak kena. Oleh itu, adalah perlu untuk mendidik kanak-kanak ini dengan kemahiran sosial yang sesuai demi untuk memudahkan mereka diterima dan berinteraksi dengan rakan sebaya.

Pembentukan sikap tidak terjadi dengan sendirinya. Dalam pembentukan sikap, faktor pengalaman peribadi iaitu apa yang telah dan sedang kita alami akan ikut membentuk dan mempengaruhi penghayatan kita terhadap stimulus sosial. Tanggapan akan menjadi salah satu dasar terbentuknya sikap. Untuk

dapat mempunyai tanggapan dan penghayatan, seseorang harus mempunyai pengalaman yang berkaitan dengan objek psikologis. Apakah penghayatan itu kemudian akan membentuk sikap menerima atau menolak bergantung pada berbagai faktor lain. Untuk dapat menjadi dasar pembentukan sikap, pengalaman peribadi haruslah meninggalkan kesan yang kuat, mendalam dan berkesan.

Faktor pengaruh orang lain juga dianggap penting. Pengaruh orang lain disekitar kita merupakan salah satu di antara komponen sosial yang ikut mempengaruhi sikap kita. Faktor pengaruh kebudayaan di mana kita hidup dan dibesarkan mempunyai pengaruh besar terhadap pembentukan sikap kita. Apabila kita hidup dalam budaya yang mempunyai norma longgar bagi pergaulan, kemungkinan kita mempunyai sikap terhadap kebebasan pergaulan akan ada. Apabila kita hidup dalam budaya sosial yang sangat mengutamakan kehidupan berkelompok, maka kita mungkin akan mempunyai sikap negatif terhadap kehidupan individual yang mengutamakan kepentingan.

Membina Sikap Positif Murid

Peranan Guru

- i. Membina sikap positif dan hubungan yang baik dengan muridnya. Sentiasa menggalakkan emosi positif seperti yakin diri, seronok kepada pembelajaran, dihargai dan selamat.
- ii. Menggelakkan sikap diskriminasi terhadap murid-muridnya. Layanan yang sama rata dan tidak memandang rendah dan hina kepada murid khas.
- iii. Membangkitkan motivasi intrinsik kepada muridnya agar selesa dan berminat dalam pembelajaran dan sering hadir ke sekolah.
- iv. Menanamkan sikap kepunyaan murid terhadap kelasnya melalui aktiviti-aktiviti yang dilakukan bersama.
- v. Menghargai usaha muridnya dengan memberi pujian dan peneguhan kerana murid khas amat suka jika diri mereka dihargai

Peranan Ibu bapa

- i. Membuang sifat malu dengan keadaan anak mereka. Memberi kasih sayang sama rata tanpa membeza mereka dengan anak normal dan berusaha menyesuaikan anak-anak dengan masyarakat sekeliling
- ii. Mendorong minat atau bakat anak mereka ke peringkat yang termampu. Dorongan ini akan memberi keyakinan yang tinggi kepada kanak-kanak ini dan akan menghasilkan pencapaian yang tinggi.
- iii. Didikan dan asuhan yang baik dengan menjadikan ibu bapa sebagai *role model* kepada anak-anak dan pembentuk sikap positif terbentuk dengan sendiri.



Latihan

Buat refleksi sendiri dan kenalpasti kekuatan dan kelemahan yang ada pada anda dari segi penguasaan kompetensi sosial yang anda telah pelajari

Bimbingan berterusan

Satu proses pendidikan yang berterusan, tersusun dan bersistematik yang boleh membantu individu mengembangkan kemampuan agar memperolehi kesejahteraan dalam hidupnya dan dapat menyesuaikan diri dengan kehendak masyarakat agar menjadi insan kamil. Guru boleh mengelolakan aktiviti yang sesuai dengan minat dan kebolehan murid agar menjamin kejayaan bagi murid yang seterusnya akan meningkatkan konsep kendirinya.

Adakan latihan tegas diri untuk membantu murid meningkatkan harga diri dan seterusnya konsep sendiri. Tekankan penerapan nilai-nilai murni dalam pendidikan moral dan agama. Elakkan murid lain dari mengejek dan menghina rakan mereka. Dengan itu harga diri dan konsep sendiri yang sihat dapat dibentuk.

Kelolakan kemotivasi untuk membantu murid-murid khas yang sukar menguasai pelajaran serta kurang bersemangat dalam pelajaran mereka.

Pencapaian akademik yang baik tetap akan meningkatkan konsep sendiri murid. Gunakan ganjaran dan pujian untuk menunjukkan penghargaan terhadap hasil yang baik yang dihantar oleh murid. Ini akan meningkatkan lagi konsep sendiri murid tersebut.

Bantu murid khas membina kepercayaan diri serta menghormati diri sendiri dengan membentuk harga diri yang positif. Bantu murid membentuk akhlak yang tinggi agar mendapat penghormatan dari murid-murid lain, guru dan orang dewasa. Bantu murid memperolehi kemahiran bersosialisasi dan berkomunikasi agar memudahkan murid-murid khas ini untuk berkomunikasi dengan rakan-rakan dari pelbagai aras termasuk di aliran perdana dan guru-guru dalam meningkatkan konsep kendirinya.

Matlamat bimbingan

- i. Membantu murid menghadapi dan menyelesaikan masalah yang dihadapi
- ii. Membentuk sikap positif murid terhadap pelajaran, sekolah dan keluarga
- iii. Mendorong pelajar untuk memperkembangkan potensi diri
- iv. Memupuk semangat murid



Latihan

Sebagai guru yang berpengalaman, anda pernah membimbing murid khas dalam menangani masalah dalam pembelajaran. Bagaimanakah cara bimbingan yang pernah dilaksanakan dalam hal ini?



Garis panduan untuk membina sikap positif murid khas di dalam bilik darjah

- Gunakan bahasa yang baik semasa berkomunikasi
- Memuji murid sekiranya mereka menunjukkan tingkah laku yang baik
- Sentiasa memberi nasihat dan motivasi

- Tunjukkan akhlak yang baik kepada murid ketika pengajaran dan pembelajaran atau di mana-mana tempat
- Minta penjelasan murid terlebih dahulu sebelum menghukum jika murid melakukan kesalahan
- Menyediakan ganjaran untuk murid yang bertingkah laku yang baik



Tamat

**PANEL PENULIS MODUL
PROGRAM PENSISWAZAHAN GURU SEKOLAH RENDAH
(PENDIDIKAN KHAS MASALAH PEMBELAJARAN)
(22.11.2011 - 25.11.2011)**

NAMA	KELAYAKAN
<p>HARLINA BINTI ISHAK Pensyarah Jabatan Pendidikan Khas Institut Pendidikan Guru Kampus Darulaman</p> <p>harlina@ipda.edu.my</p>	<p><u>Kelayakan</u> M Ed (Pendidikan Awal Kanak-kanak) UPSI B Ed (Pendidikan Khas) UKM Diploma Perguruan Khas (Pemulihan) IPDA Sijil Perguruan Asas (Pengajian Melayu) MPTI</p> <p><u>Pengalaman</u> 15 tahun sebagai guru.</p> <p>Sek Kebangsaan - kelas pemulihan</p> <p>Sek Menengah - Program Masalah Penglihatan, Program Masalah Pendengaran dan Program Masalah Pembelajaran</p> <p>2004 – kini sebagai pensyarah di IPG Kampus Darulaman</p>

**PANEL PEMURNIAN MODUL
PROGRAM PENSISWAZAHAN GURU SEKOLAH RENDAH
(PENDIDIKAN KHAS MASALAH PEMBELAJARAN)
(06.12.2011 - 09.12.2011)**

NAMA	KELAYAKAN
<p>HARLINA BINTI ISHAK Pensyarah Jabatan Pendidikan Khas Institut Pendidikan Guru Kampus Darulaman</p> <p>harlina@ipda.edu.my</p>	<p><u>Kelayakan</u> M Ed (Pendidikan Awal Kanak-kanak) UPSI B Ed (Pendidikan Khas) UKM Diploma Perguruan Khas (Pemulihan) IPDA Sijil Perguruan Asas (Pengajian Melayu) MPTI</p> <p><u>Pengalaman</u> 15 tahun sebagai guru.</p> <p>Sek Kebangsaan - kelas pemulihan</p> <p>Sek Menengah - Program Masalah Penglihatan, Program Masalah Pendengaran dan Program Masalah Pembelajaran</p> <p>2004 – kini sebagai pensyarah di IPG Kampus Darulaman</p>

BIBLIOGRAFI

- Abd.Majid Mohd Isa, Rahil Mahyuddin. (1997). *Psikologi Pendidikan 1*. Siri Pendidikan Longman.
- A.J.Michael. (2006). *Kompetensi kecerdasan emosi*. Siri pendidikan Perguruan. Kumpulan Budiman Sdn Bhd: Kuala Lumpur
- Bagin, D. & Gallangher,D.R. (2001). *The school and community relations*. Boston : Allyn & Bacon
- Buku Panduan Pengurusan Program Pendidikan Khas Integrasi Perak Darul Ridzuan*. Unit Pendidikan Khas, Sektor Pendidikan Swasta dan Pendidikan Khas, Jabatan Pelajaran Perak.
- Colmen, D. (2000) *Emotional intelligence: Why it can be more than IQ*. New York : Bantam Books
- Dyson, A. (2000). *School and special needs: Issues of innovation & inclusion*. London : P.Chapman

Ferrell, M. (2004). *Special education needs: A resource for practitioners*. London : P.Chapman.

Grayson,C. *The adult literacy and remedial education teacher career guide* (Kindle Edition -3 Nov 2010)

Jamila K.A Mohamed. (2005). *Pendidikan Khas untuk Kanak-kanak Istimewa*. PTS Publications & Distributors Sdn Bhd. Selangor

Jurnal Pendidikan. (2010). *Kompetensi Kecerdasan Emosi*.
<http://jurnalpendidikan.com/pedagogi/kompetensi-kecerdasan-emosi/kompetensi-kecerdasan-emosi.html>

Mohd Sharani Ahmad. (2006). *Mengurus Kanak-kanak yang Susah Belajar*, PTS Profesional Publications Sdn Bhd. Selangor.

Mohd Siraj Awang. (1996). *Pendidikan Inklusif dan Penyediaan Guru di Sekolah-sekolah*. TEMPAWAN: Jurnal Akademik Maktab Perguruan Ilmu Khas: 14:1-11

Sands, D.J. Kozleski, E.B. & French, J. K. (2000). *Inclusive education for 21st. century*. New York : Wardsworth.

Smith, C.R. (1998) *Learning disabilities: The interaction of learner, task and setting*. (4th. Ed.). MA: Allyn Bacon Inc.

Susie See Ching Mey, Sarib Selamat.(2003) *Kanak-kanak khas dan Pendidikan Khas*. Program Pendidikan Berterusan USM

<http://belognurna.blogspot.com/2011/10/pelebelan-pengasingan-dan-integrasi.html>

Berita Harian, Selasa Mei 3, 2011

IKON



Rehat



Perbincangan



Bahan Bacaan



Buku Rujukan



Latihan



Membuat Nota



Senarai Semakan



Layari Internet



Panduan Pengguna



Mengumpul Maklumat



Tutorial



Memikir



Tamat

(PKB3111 Isu dan Tenda dalam Pendidikan Khas)